

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
[ PUTATAN ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2015**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan:-**

- (a) usaha Kementerian dalam memperkasakan ekonomi rakyat luar bandar melalui Sektor Perladangan dan Komoditi; dan
- (b) jenis dana yang disediakan bagi memperluaskan lagi penanaman koko dan lada terutama sekali di Negeri Sabah dan Sarawak.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor perladangan dan komoditi melibatkan sawit, getah, kayu-kayan, koko dan lada. Dalam hal ini, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) sentiasa mengambil langkah untuk meningkatkan pendapatan para pengusaha tanaman komoditi di mana hampir 40% tanaman sawit adalah diusahakan oleh pekebun kecil di luar bandar, manakala bagi tanaman getah, koko dan lada sebahagian besarnya adalah diusahakan oleh pekebun kecil.

Bagi memperkasakan para pengusaha tanaman komoditi di luar bandar, MPIC akan terus melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan produktiviti dan seterusnya pendapatan. Ini termasuk:

- (i) Insentif Tanam Baru dan Tanam Semula sawit, getah, koko dan lada. Bagi maksud ini, sejak tahun 2011 sehingga 2015 peruntukan sebanyak RM2.42 bilion telah disediakan untuk program ini;
- (ii) Menggalakkan pekebun kecil untuk menjalankan aktiviti ternakan yang sesuai seperti lembu atau kambing secara integrasi di peringkat umur sawit yang sesuai sebagai pendapatan tambahan;

- (iii) Menggalakkan amalan-amalan pertanian baik bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil pengeluaran komoditi negara. Dalam hal ini, Pegawai-pegawai Pengembangan sawit, getah, koko dan lada ditempatkan di seluruh negara untuk memberi khidmat nasihat terutama kepada pekebun kecil;
- (iv) Peruntukan bagi membina jalan-jalan ladang di kawasan luar bandar bagi memudahkan pekebun kecil untuk mengangkut input pertanian dan memasarkan hasil tanaman mereka. Sejak tahun 2013 sehingga 2015 peruntukan sebanyak RM80 juta telah disediakan untuk membina jalan ladang sejauh 449 km;
- (v) Menyediakan khidmat nasihat dan latihan kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana sektor komoditi bagi meningkatkan pendapatan mereka melalui program-program seperti Program Pemerksaan Ekonomi Bumiputera, Program Pembangunan Usahawan Coklat Buatan Tangan dan Program Pembangunan Usahawan Tani (Nurseri); dan
- (vi) Melaksanakan Program Khidmat Sokongan Pemasaran Domestik (KSPD) bagi membantu pekebun kecil koko mendapatkan harga yang berpatutan berdasarkan harga pasaran dan kualiti biji koko kering.

Tuan Yang Di-Pertua,

- (b) Bagi tanaman koko dan lada di negeri Sabah dan Sarawak, Kerajaan menyediakan bantuan kepada pekebun kecil koko dalam bentuk insentif program pembangunan seperti bayaran pembersihan kawasan dan pokok pelindung serta membekalkan anak benih koko dan juga input pertanian.

Bagi lada pula, Kerajaan menyediakan bantuan kepada pekebun kecil seperti berikut:

(i) Bantuan Tanaman Baru

Membantu pekebun lada yang baru mula atau menanam semula bagi menggantikan kebun lada sedia ada yang tidak ekonomik untuk dibaik pulih. Nilai bantuan sejumlah RM18,000 sehektar bagi tempoh tiga (3) tahun. Pekebun akan dibekalkan input pertanian seperti baja, racun, dolomit dan khidmat nasihat teknikal juga akan diberikan;

(ii) Skim Baik Pulih Tanaman Lada

Membantu pekebun lada membaik pulih pokok lada yang telah matang bagi mendapatkan hasil yang maksimum. Nilai bantuan ialah RM8,000 sehektar dalam tempoh satu (1) tahun. Pekebun akan dibekalkan input pertanian seperti baja, racun, dolomit dan khidmat nasihat teknikal juga akan diberikan; dan

(iii) Pengeluaran Lada Premium Peringkat Ladang

Membantu pekebun lada meningkatkan kualiti lada di peringkat ladang dan menggalakkan pekebun mengeluarkan

lada premium seperti Lada Berkualiti Eksport (LBE) dan Lada Putih Krim (LPK) untuk mendapat harga yang lebih lumayan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan terus melaksanakan langkah-langkah bagi membantu memperkasakan ekonomi rakyat luar bandar. Ini adalah untuk memastikan para pengusaha tanaman komoditi terutamanya pekebun kecil meraih faedah daripada usaha mereka.

Sekian, terima kasih.